

## 227) BENCANA ALAM D BANJIR DI HULU LANGAT

Tahun: 2012

Isu: Alam Sekitar

Kategori: Mulut

Sesi: 2

Adun: Y.B. Tuan Yap Lum Chin

- a) Berapakah jumlah mangsa banjir di Daerah Hulu Langat yang ditimpa musibah banjir pada 7 Mac 2012 yang lalu?

Jumlah keseluruhan mangsa banjir di dalam rekod pendaftaran adalah seramai 3,650 keluarga.

- b) Berapa ramaikah orang yang mendapat bantuan daripada kerajaan Negeri Selangor?

Jumlah penerima bantuan adalah seperti berikut :-

i) Bantuan bencana banjir seramai 3,650 keluarga

$3,650 \text{ keluarga} \times \text{RM } 1,000.00 = \text{RM } 3,650,000.00$

ii) Bantuan pembaikan rumah (Lembah Jaya Utara, Ampang)

8 buah rumah dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM 110,000.00

iii) Bantuan persekolahan

Hulu Langat – 1483 pelajar jumlah peruntukan RM 218,900.00

Ampang – 220 pelajar jumlah peruntukan RM 35,800.00

Jumlah keseluruhan bantuan RM 4,014,700.00

(Ringgit Malaysia : Empat Juta Empat Belas Ribu Tujuh Seratus Sahaja)

- c) Apakah usaha-usaha kerajaan Negeri Selangor untuk rancangan jangka panjang bagi mengatasi banjir ini daripada berlaku lagi?

Di dalam RMKe10, Kerajaan Negeri telah meluluskan siling bagi peruntukan pembangunan sebanyak RM55.5 juta yang disalurkan kepada JPS Hulu Langat yang meliputi program/projek pengurusan banjir, pengurusan sungai dan sistem saliran.

Di bawah Program Lembangan Sg. Langat, Kerajaan Negeri telah meluluskan sebanyak RM27.28 juta. Peruntukan ini adalah untuk melaksanakan 9 buah projek tebatan banjir di dalam Daerah Hulu Langat. Pada masa ini, sebanyak 2 projek telah disiapkan, 5 sedang berjalan dan 1 projek masih di peringkat pengambilan balik tanah. Antara projek tersebut adalah seperti berikut :-

Bil	Tajuk projek	Kos (RM)	Projek		Status
				Banjir	

1. Sg Sekamat

4.22 juta Siap

2.	Rancangan Tebatan Balak	Banjir Sg.	3.22 juta	Siap
3.	Rancangan Tebatan Banjir Sg. Bangi		4.21 juta	Dalam pembinaan. Isu tanah.
4.	Rancangan Tebatan Banjir Sg. Seputih Fasa 1		0.74 juta	Dalam pembinaan.
5.	Rancangan Tebatan Banjir Sg. Seputih Fasa 2		1.23 juta	Dalam pembinaan
6.	Rancangan Tebatan Banjir Sg. Sering		4.22 juta	Dalam pembinaan
7.	Projek menaiktaraf Sg Jeloh Fasa 2		0.25 juta	Dalam pembinaan
8.	Rancangan Tebatan Banjir Sg. Serai	–		Isu tanah. Anggaran kos RM6.0 juta

Selain dari itu, JPS Malaysia juga telah menyiapkan Kajian Pelan Induk Bandar Kajang, Daerah Hulu Langat yang mengambilkira perancangan dan keperluan sistem saliran di dalam dan luar bandar meliputi perancangan jangka pendek dan panjang bagi mengatasi masalah banjir terutamanya di dalam Bandar Kajang dan sekitarnya